

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1993/94**

April 1994

IMK 206/3 - BAHAN MAKANAN (ASAL HAIWAN)

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** mukasurat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA (5)** soalan dari **TUJUH (7)** soalan yang diberi. Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

Semua soalan mengandungi "nilai" yang sama.

1. Bincangkan kerosakan-kerosakan yang boleh berlaku pada ikan segar.
2. Komen mengenai kandungan lemak yang terdapat pada daging-daging haiwan yang berbeza. Nyatakan bagaimana perbezaan komposisi asid lemak boleh digunakan untuk menentukan punca daging.
3. Tuliskan catatan-catatan ringkas mengenai tiap-tiap bahagian soalan ini:
 - (a) Penyediaan karkas
 - (b) Penggredan daging
 - (c) Pemeriksaan *post mortem*
4. Bincangkan perubahan-perubahan *post mortem* yang berlaku semasa pertukaran otot kepada daging dan terangkan bagaimana perubahan-perubahan ini mempengaruhi kualiti daging.
5. Jawab kedua-dua bahagian soalan ini:
 - (a) Huraikan faktor-faktor utama yang mempengaruhi kualiti daging segar ayam/itik.
 - (b) Bincangkan langkah-langkah yang dapat diambil untuk mengekalkan kualiti yang baik bagi ayam/itik.

6. Nyatakan satu jenis makanan hasil tenusu yang bercorak tradisional di kalangan orang-orang Melayu yang terdapat di Utara Semenanjung Malaysia. Terangkan secara terperinci kaedah-kaedah pemprosesannya termasuk pengubahsuaian yang telah dilakukan.
7. Kaitkan komposisi telur dengan kegunaan atau faedahnya dalam sistem-sistem makanan tertentu.

ooooooooooooooo